



## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 3/2025

**PINDAAN SYARAT UMUM MARKAH MINIMUM LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) BAGI TUJUAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT**

1. Pewartaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Ogos 2024 memberi penekanan kepada tahap kecemerlangan dalam prestasi perkhidmatan sebagai asas kemajuan kerjaya penjawat awam. Penetapan dasar baharu markah minimum LNPT bagi tujuan pemangkuan dan kenaikan pangkat diperincikan melalui Surat Edaran JPA.(S).600-1/3/26(16) bertarikh 8 November 2024 : Penetapan Markah Minimum Keseluruhan Bagi Urusan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Awam.
2. Justeru itu, pekeling ini bertujuan memaklumkan mengenai kelulusan pindaan Syarat Umum markah minimum Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tujuan permohonan kenaikan pangkat oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 1/ 2025 (Kali ke-83) yang telah bersidang pada 17 Januari 2025.
3. Berdasarkan Surat Edaran Penetapan Markah Minimum Keseluruhan bagi Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat pegawai hendaklah;

- i) mencapai Markah Minimum Keseluruhan 85% bagi tiga (3) tahun terakhir berdasarkan wajaran berikut; dan

Perkara	Wajaran Daripada Markah LNPT		
	Tahun 1(a)	Tahun 2(b)	Tahun 3(c)
Wajaran (%)	20	35	45

- ii) mencapai minimum 85% markah LNPT pada tahun terakhir sebelum permohonan kenaikan pangkat.
4. Oleh itu, pengiraan Markah Minimum Keseluruhan ( $\Sigma$ ) adalah;
  - i) Tahun 1 (a) = 20% daripada markah LNPT
  - ii) Tahun ke-2 (b) = 35% daripada markah LNPT
  - iii) Tahun ke-3 (terkini) (c) = 45% daripada markah LNPT

**Markah Minimum Keseluruhan (Purata)  $\Sigma = a+b+c$**

5. Selaras dengan pekeliling ini, maka syarat umum minimum markah LNPT di dalam Syarat-Syarat dan Tatacara Kenaikan Pangkat Staf (STEPS) UMK yang sedang berkuat kuasa adalah dimansuhkan.
6. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Kerjasama semua pihak dimohon untuk mengambil perhatian ke atas pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

**“ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI”**  
**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(KHAIRUL ERUAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)**

Pendaftar

5 FEBRUARI 2025

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
*Public Service Department, Malaysia*  
 Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
 62510 W.P. PUTRAJAYA  
 MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
 Faks (Fax): 603-88892187  
 Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Rujukan : JPA.(S).600-1/3/26 (16)  
 Tarikh : 8 November 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
 Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
 Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
 Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan  
 Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
 Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENETAPAN MARKAH MINIMUM KESELURUHAN BAGI URUSAN PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa wajaran markah minimum keseluruhan bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat pegawai perkhidmatan awam persekutuan pada masa ini ditetapkan pada 80% berdasarkan Surat JPA(S)K.256/6/27 Klt.2 / s.k 2(4) bertarikh 3 Julai 2009 mengenai Penetapan Wajaran Markah Prestasi Bagi Urusan Pemangkuan/ Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Awam. Wajaran markah yang

digunakan adalah mengikut merit markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir berturut-turut dengan markah keseluruhan 80% ke atas dan kaedah-kaedah penilaian lain seperti temu duga, kursus, kriteria kecemerlangan dan bakat.

3. Selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024, Kerajaan telah bersetuju supaya penetapan wajaran markah minimum keseluruhan bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Awam **ditingkatkan kepada 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terakhir** berdasarkan wajaran yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian UP.3.1.1: Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam dengan **markah prestasi pada tahun terakhir hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 85%.**

4. Pelaksanaan berhubung dengan ketetapan ini **berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.** Dengan berkuatkuasanya surat edaran ini, Surat JPA(S)K.256/6/27 Klt.2 / s.k 2(4) bertarikh 3 Julai 2009 mengenai Penetapan Wajaran Markah Prestasi Bagi Urusan Pemangkuan/ Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Awam adalah **dibatalkan.**

5. Urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat yang telah dibuat sebelum 1 Disember 2024 dan masih belum selesai hendaklah terus diuruskan mengikut Surat JPA(S)K.256/6/27 Klt.2 / s.k 2(4) bertarikh 3 Julai 2009 seolah-olah Surat tersebut tidak dibatalkan dan mana-mana peraturan-peraturan dan pekeliling perkhidmatan berkaitan yang berkuat kuasa.


6. Ketetapan ini turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing dan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI WĀN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)**

**s.k.:**

Ketua Setiausaha Negara